

BAB TIGA

BAB 3 PROGRAM DAKWAH DI PETAMA

3.1 PETAMA

3.1.1 Penubuhan

PETAMA adalah singkatan daripada Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli Pahang. Ia salah satu daripada program pendidikan Yayasan Pahang (YP) yang dikendalikan oleh anak syarikatnya iaitu AQFA Sdn. Bhd. Pusat ini telah ditubuhkan pada 3 Mei 1998 dan dirasmikan oleh Dato' Paduka Abd Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dorongan untuk menubuhkan PETAMA adalah ekoran daripada pertambahan bilangan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang dari semasa ke semasa. Kerajaan bertanggungjawab untuk tidak membiarkan mereka ketinggalan serta tercicir malah maju dan bergerak seiring dengan kaum lain sama ada dalam aspek agama, sosial dan ekonomi. Kerajaan negeri Pahang mendapati perlu diwujudkan sebuah pusat dakwah untuk golongan Orang Asli. Berikutan itu, Datuk Seri Adnan bin Yaakob yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Exco Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang telah mengusulkan penubuhan PETAMA. Justeru itu, PETAMA telah ditubuhkan di sebuah kawasan di tengah pusat bandar Kuantan dan berlokasi di No. 13, Lorong Bukit Ubi 11, Jalan Lim Hoe Lek Kuantan Pahang Darul Makmur.¹

Terdahulu sebelum penubuhan PETAMA, YP telah menjalankan misi dakwahnya kepada masyarakat Orang Asli melalui kunjungan ke perkampungan

¹ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

Orang Asli selama dua minggu. Program seumpama ini melibatkan bersama pelajar-pelajar tajaan YP yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Program setahun sekali yang dijayakan oleh YP ini dikenali sebagai REHLAH. Program ini bermatlamat untuk merapatkan lagi jurang pemisah antara masyarakat Orang Asli dengan komuniti luar. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk mengkaji dan menyelidik permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat ini dalam aspek agama, cara hidup, sosial dan sebagainya.²

Walau bagaimanapun, berdasarkan satu kajian yang dilakukan oleh AQFA pada tahun 1997 didapati bahawa proses dakwah terhadap masyarakat Orang Asli adalah memberi kesan yang lebih optimum sekiranya ia dilakukan oleh pendakwah di kalangan mereka sendiri. Ini adalah kerana pendakwah daripada kelompok mereka lebih mengenali dan mengetahui perkara-perkara berkaitan bangsa mereka umpamanya dalam aspek pantang larang, bahasa, adat, perasaan, kehendak dan sebagainya.³

Dalam masa yang sama, program REHLAH didapati kurang memberi kesan dan tidak mencapai objektif yang dikehendaki di samping masalah kewangan dan beberapa masalah lain. Oleh itu pada tahun 1998 PETAMA telah ditubuhkan untuk menggantikan program REHLAH dan diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih baik dalam mentarbiah akidah masyarakat Orang Asli.⁴

² PETAMA (1997), Minit Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Korporat Yayasan Pahang, 12 Jun 1997, t.h

³ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, pengurus PETAMA pada 28 Julai 2003, pukul 11.00 pagi

⁴ Ibid.

Pelaksanaan PETAMA yang julung kali ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli khususnya di Pahang mengenai kepentingan menyertai arus pembangunan dan meningkatkan kebolehan serta keyakinan diri mereka dalam bersaing dengan masyarakat lain.⁵

3.1.2 Objektif Penubuhan

Objektif penubuhan PETAMA ialah:⁶

- 1) Melatih remaja masyarakat Orang Asli untuk menjadi pendakwah dan pemimpin masyarakat serta sebagai ejen perubahan di kawasan masing-masing. Seterusnya mereka berpeluang untuk menyertai arus pembangunan negara di samping mempertingkatkan kebolehan mereka bersaing dengan kaum-kaum lain di negara ini.
- 2) Membimbing serta mentarbiah pelajar atau peserta program supaya mereka dapat menguasai ilmu agama, sosial dan budaya seterusnya menjadi tempat rujukan masyarakat setempat bagi mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar dalam perkara berkaitan agama Islam.
- 3) Mendedahkan mereka kepada kemajuan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan agar mereka tidak ketinggalan daripada arus perkembangan dan kemajuan tersebut.

Rasional di sebalik penubuhan PETAMA ialah untuk melahirkan pendakwah di kalangan masyarakat Orang Asli di setiap perkampungan. Mereka berperanan sebagai tempat rujukan bagi penduduk yang kurang faham mengenai

⁵ Abdul Razak Arshad (1998), *Nong Pai*, Kuala Lumpur: JHEOA, h. 17

⁶ PETAMA (1998), *Risalah Umum PETAMA*, t.h

agama Islam. Selain daripada itu, mereka diharapkan dapat membawa masyarakat ini kepada kehidupan Islam yang lebih baik. Sebagai contoh sekiranya ada pasangan masyarakat ini yang mahu berkahwin atau untuk menguruskan kematian, maka pendakwah ini boleh dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya mengikut syariat Islam.⁷

Menurut Pengurus Pentadbiran PETAMA di AQFA, matlamat yang ingin dicapai melalui penubuhan pusat dakwah seumpama ini ialah agar ia dapat membuka mata dan minda masyarakat Orang Asli mengenai kehidupan di luar kawasan perkampungan mereka. Para peserta yang datang dari perkampungan Orang Asli ini dikumpulkan di sebuah tempat khas di tengah-tengah bandar. Di sini mereka diajar untuk berdikari dan didedahkan dengan arus kemajuan. Dengan cara ini, diharapkan mereka boleh berfikir dan cuba untuk membawa perubahan yang positif dalam masyarakat mereka setelah menamatkan kursus di PETAMA.⁸

Kesimpulannya, objektif pihak pengurusan PETAMA ialah untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat Orang Asli. Peserta sasaran terdiri daripada anak-anak remaja masyarakat ini dan ia dilihat sebagai satu tindakan yang bijak kerana golongan remaja boleh diharapkan menjadi ejen perubah dan membawa kaum keluarga mereka keluar dari kehidupan serba kekurangan. Maju atau mundur masyarakat peribumi pada masa akan datang terletak pada bahu golongan ini.

⁷ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*

⁸ Temubual dengan Ustaz Jamaluddin bin Abdul Jabbar, Pengurus Pentadbiran AQFA Sdn. Bhd, pada 30 Julai 2003, pukul 2.30 petang.

Selain daripada menitikberatkan pengajaran keagamaan, para peserta turut didedahkan untuk menerima pembaharuan dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Oleh itu, program yang ditawarkan di PETAMA tidak terbatas pada skop agama sahaja malah ia meliputi aspek pembangunan minda, sikap, pendidikan kerohanian, kebudayaan, sosial, gaya hidup secara Islam dan sebagainya. Akhirnya, matlamat untuk melihat masyarakat ini mempunyai pendakwah dari kalangan mereka telah direalisasikan melalui penubuhan PETAMA. Dengan penyusunan program dakwah yang sistematik serta memenuhi keperluan semasa diharapkan objektif mereka terlaksana.

3.1.3 Pentadbiran Organisasi

PETAMA merupakan pusat dakwah yang bernaung di bawah YP. Ia diuruskan sepenuhnya oleh sebuah anak syarikat yang dilantik oleh YP iaitu AQFA Sdn. Bhd. PETAMA diletakkan di bawah Unit Pendidikan AQFA dan unit ini dikendalikan oleh seorang Pengurus Pentadbiran iaitu Ustaz Jamaluddin bin Abd Jabbar.

Manakala PETAMA dikendalikan oleh seorang pengurus iaitu Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah. Selaku pengurus PETAMA, Ustaz Muhammad Rafid terlibat dengan kerja-kerja luar seperti mewakili PETAMA dalam mesyuarat antara YP atau AQFA, berurusan dengan penaja pelajar, mengawal selia hal ehwal pelajar, mengurus kewangan pelajar dan sebagainya. Beliau dibantu oleh lima orang tenaga pengajar yang lain iaitu Ustaz Mohd Nizam

bin Abd Ghani, Ustaz Saudi bin Abdul Manaf, Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, Ustazah Razita binti Abdullah dan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz.

Ustaz Mohd Nizam ditugaskan sebagai warden bagi asrama lelaki manakala Ustazah Mariah ditugaskan untuk menyelia asrama peserta perempuan. Pensyarah-pensyarah di PETAMA ini bertanggungjawab memastikan segala perancangan dan aktiviti dakwah dijalankan berdasarkan jadual selain daripada mengajar, mengawasi dan mengurus para peserta program. Pentadbiran organisasi PETAMA adalah sebagaimana pada lampiran 1.

3.1.4 Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang berkhidmat di PETAMA ketika ini ialah seramai enam orang. Seramai tiga orang daripada pensyarah di sini mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ilmu Islam dari universiti di Indonesia. Seorang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar Mesir. Manakala selebihnya pula adalah berkelulusan Diploma Dakwah serta Sijil Tinggi Agama (STA).⁹

Semua pensyarah di PETAMA adalah dilantik oleh AQFA Sdn. Bhd. Justeru itu, kebolehan mengajar dan pengalaman mereka dalam bidang pendidikan telah diakui oleh pihak AQFA. Pensyarah yang ditugaskan di sini perlu mempunyai kebolehan mengajar, sabar, amanah, bertanggungjawab, pandai berdakwah, kreatif dan mampu menarik minat pelajar kepada topik pengajaran.

⁹ PETAMA (2001), Laporan PETAMA "Senarai Tenaga Pengajar", h.5

Kriteria-kriteria seumpama ini adalah penting kerana mereka perlu berhadapan dan mendidik remaja masyarakat Orang Asli yang memerlukan pendekatan berbeza berbanding mengajar pelajar bangsa lain. Oleh itu banyak perkara baru yang perlu diselidiki dan dipelajari oleh pensyarah-pensyarah ini.¹⁰

Sebelum diberi tanggungjawab untuk mengajar dan mendidik para peserta di PETAMA, pensyarah-pensyarah dikehendaki mengikuti kursus pengajaran yang dianjurkan oleh pihak YP di bawah kelolaan AQFA. Dalam kursus selama tiga bulan itu, para pensyarah telah diberi kursus serta pendekatan yang perlu dipraktikkan semasa mengajar para peserta.¹¹

Selain daripada itu, para pensyarah juga dihantar untuk berkursus di Maktab Perguruan Teruntum dan Maktab Perguruan Tengku Ampuan Hajah Afzan. Di situ mereka mendapat latihan untuk bersikap lebih terbuka sewaktu menjalankan sesi pengajaran dan diberi tips-tips kemahiran mengajar. Untuk meningkatkan mutu pengajaran al-Quran para pensyarah pula, mereka dihantar mengikuti kursus dari semasa ke semasa seperti Kursus Pembacaan Dan Pemahaman Al-Quran yang diatitkan oleh pihak AQFA. Setiap pensyarah di PETAMA perlu menanamkan sikap sabar dan ikhlas sewaktu mengajar serta mesti sentiasa bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan sewaktu berdepan dengan para peserta kursus.¹² Senarai tenaga pengajar di PETAMA sebagaimana pada lampiran 2.

¹⁰ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, pensyarah PETAMA, pada 28 Julai 2003, pukul 9.30 pagi

¹¹ Ibid

¹² Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, pensyarah PETAMA, pada 28 Julai 2003, pukul 9.00 pagi.

3.1.5 Prasarana

Pihak pengurusan PETAMA meletakkan keutamaan untuk menyediakan prasarana fizikal yang lengkap beserta persekitaran yang selesa kepada para peserta di pusat ini. Antara kemudahan yang terdapat di PETAMA ialah:

- 1) Kemudahan asrama untuk para peserta.

Setiap pelajar disediakan penginapan yang terletak di dalam kawasan PETAMA. Pemerhatian penulis mendapati pihak pengurusan PETAMA telah memilih empat buah bangunan rumah dua tingkat yang telah diubahsuai untuk dijadikan asrama, bilik kuliah, pejabat dan surau. Bangunan ini terletak di sebuah kawasan perumahan yang tidak berpagar. Tempat penginapan pelajar diletakkan di bahagian atas. Asrama bagi pelajar lelaki adalah di bangunan yang berasingan daripada asrama perempuan.

Penginapan seumpama ini diharapkan dapat membuka ruang interaksi para peserta. Mereka berpeluang untuk berkomunikasi sesama mereka, menambahkan kemahiran bersosial, belajar hidup berdikari, tolong menolong di samping boleh mengulang-kaji pelajaran bersama-sama. Para peserta akan menginap di asrama itu sepanjang tempoh kursus dengan diselia oleh warden yang turut mempunyai bilik khas di situ.¹³

¹³ Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, pensyarah PETAMA, pada 28 Julai, pukul 10.30 pagi.

2) Bilik kuliah

Peserta lelaki dan perempuan belajar dalam bilik kuliah yang berasingan. Bilik kuliah ini boleh memuatkan lebih kurang 30 orang pelajar dalam satu masa. Pihak pengurusan PETAMA melengkapkan bilik kuliah ini dengan beberapa keperluan asas seperti kerusi, meja, meja guru, papan putih dan kipas angin siling supaya pelajar boleh mengikuti pembelajaran dengan selesa.¹⁴

3) Kemudahan pengangkutan

Kemudahan pengangkutan untuk para peserta mengikuti program di luar kawasan PETAMA akan disediakan oleh YP. Para pelajar juga tidak menghadapi masalah sekiranya mahu pulang ke perkampungan mereka. Ini adalah kerana PETAMA terletak berhampiran dengan Terminal Makmur dan mereka boleh mendapatkan bas ekspres di situ. Selain daripada itu, perkhidmatan teksi dan bas mini amat mudah diperolehi. Perkara yang sedemikian turut menjadi kemudahan kepada para penjaga yang mahu melawat anak-anak mereka di asrama PETAMA.¹⁵

4) Pembiayaan kursus

Para peserta dari negeri Pahang yang mengikuti kursus di PETAMA akan dibiayai oleh YP dan Tabung Amanah JHEOA. YP akan menaja seramai 30 orang pelajar pada setiap kali sesi akademik manakala selebihnya akan ditanggung oleh Tabung Amanah JHEOA. Selain daripada itu, Jabatan Agama Islam dari negeri lain yang berminat untuk menempatkan pelajar mereka di PETAMA dikehendaki menampung segala perbelanjaan peserta terbabit. Setiap penaja perlu

¹⁴ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

¹⁵ Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, pensyarah PETAMA, pada 28 Julai pukul 9.30 pagi.

memperuntukkan sebanyak RM840 sebulan bagi seorang pelajar. Daripada jumlah tersebut, RM100 adalah wang saku bagi pelajar. Manakala wang selebihnya adalah untuk bayaran yuran kursus, asrama, makan dan sebagainya.¹⁶

5) Perkhidmatan catering

Kajian ini mendapati bahawa para peserta tidak perlu memasak atau membeli makanan di kedai-kedai berhampiran. Ini adalah kerana makanan mereka disediakan oleh catering yang dipilih oleh pihak pengurusan. Sarapan pagi, makanan tengahari, minuman petang dan makan malam mereka akan dihantar oleh pihak catering ke asrama.

Perkhidmatan ini disediakan untuk mengelak peserta membeli makanan di gerai berhampiran yang belum tentu terjamin kebersihannya. Selain daripada itu ia bertujuan untuk melatih pelajar berjimat-cermat dan pandai menggunakan wang yang diberi.¹⁷

6) Peralatan muzik untuk kumpulan nasyid

Pelajar PETAMA telah menubuhkan kumpulan nasyid masing-masing. Kumpulan nasyid peserta lelaki ialah Al-Mu'min manakala peserta perempuan menubuhkan kumpulan An-Nur. Kumpulan nasyid PETAMA sering dijemput untuk membuat persembahan di dalam majlis-majlis kerajaan negeri yang diadakan di sekitar negeri Pahang. Pihak pengurusan PETAMA telah menyediakan peralatan muzik yang boleh digunakan oleh kumpulan ini semasa

¹⁶ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*

¹⁷ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit.*

membuat persembahan. Selain daripada itu, Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani telah ditugaskan untuk membimbing kumpulan nasyid PETAMA.¹⁸

7) Kemudahan membuat panggilan telefon

Para peserta boleh dihubungi oleh ahli keluarga dan sanak saudara melalui perkhidmatan telefon yang disediakan di bilik pejabat. Namun begitu, penggunaannya adalah terhad kerana beroperasi mengikut waktu pejabat. Selain itu, para pelajar boleh membuat panggilan telefon melalui kemudahan telefon awam yang berhampiran dengan PETAMA. Tetapi, perkhidmatan telefon ini amat jarang digunakan kerana kebanyakan rumah peserta tidak mempunyai telefon. Tambahan pula, ibu bapa peserta lebih gemar datang ke PETAMA sekiranya mahu berjumpa anak mereka.¹⁹

8) Kemudahan-kemudahan lain

Kemudahan-kemudahan lain yang dikenalpasti oleh penulis terdapat di PETAMA ialah ia terletak bersebelahan dengan Ma'ahad Tahfiz Negeri. Para peserta PETAMA diharapkan pandai merebut peluang yang ada untuk mendapatkan ilmu secara tidak langsung daripada peserta di Ma'ahad Tahfiz. Mereka boleh mendalami agama Islam atau mempelajari kaedah bacaan al-Quran selain bertukar-tukar pendapat dengan peserta di situ. Selain daripada itu, PETAMA terletak berhampiran dengan Masjid Negeri. Para peserta boleh pergi dengan berjalan kaki sahaja sekiranya mahu menghadiri program yang dianjurkan oleh masjid negeri. Selain itu, ia akan memudahkan para peserta lelaki untuk menunaikan solat Jumaat. Di samping itu, sebuah lapangan sepak takraw

¹⁸ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

¹⁹ Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit.*

disediakan di tengah-tengah kawasan PETAMA untuk kemudahan pelajar beriadah pada waktu petang.

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pihak pengurusan PETAMA memberi keutamaan kepada keselesaan para pelajar melalui penyediaan kemudahan-kemudahan. Kelengkapan seumpama ini adalah penting bagi memastikan para pelajar dapat tinggal dengan sempurna sepanjang mengikuti program di sini.

3.1.6 Pelajar

Pelajar PETAMA terdiri daripada remaja yang dipilih dari perkampungan Orang Asli yang terdapat di seluruh negeri Pahang. Remaja dari suku Semai merupakan peserta yang paling ramai di pusat ini. Hal yang demikian adalah kerana suku Semai merupakan suku yang teramai di negeri Pahang. Selain daripada itu, terdapat juga peserta dari suku Mah Meri, Kensiu, Semoq Beri, Kintak, Jakun dan sebagainya. Kebanyakan ibu bapa para peserta bekerja sebagai petani, penoreh getah, pencari hasil hutan seperti rotan dan petai, penangkap ikan, bekerja sendiri dan amat sedikit yang terlibat dengan pekerjaan di sektor awam mahupun swasta. Hampir keseluruhan daripada penjaga peserta tidak mendapat pendidikan secara formal di sekolah.

Pengurusan PETAMA telah meletakkan syarat kelayakan yang paling minima bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai remaja mengikuti program di pusat ini. Peserta sasaran pihak PETAMA ialah remaja yang tidak lagi bersekolah

tetapi berminat untuk menyertai PETAMA. Selain daripada itu remaja berkenaan mesti beragama Islam, berumur 18 tahun ke atas, mempunyai tahap *intelligence quotient* (IQ) yang sederhana, boleh membaca dan menulis serta tidak mempunyai penyakit yang kronik. Di samping itu, keutamaan diberikan kepada mereka yang belum berkahwin serta tidak mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas.²⁰

Berdasarkan syarat kelayakan yang digariskan oleh PETAMA, didapati bahawa syarat yang dikenakan tidak terlalu ketat memandangkan ia perlu untuk menarik ramai peserta program. Keutamaan diberikan kepada yang belum berkahwin supaya peserta tidak menghadapi kesulitan untuk meninggalkan tanggungjawab terhadap keluarga dan anak-anak. Di samping itu, bagi yang tidak mempunyai kelulusan SPM ke atas, mereka masih berpeluang untuk belajar dan meningkatkan pencapaian diri. Setiap peserta di program ini mempunyai penaja seperti YP, Tabung Amanah JHEOA dan Jabatan Agama Islam Negeri.²¹

Pihak pengurusan PETAMA telah melakukan enam kali sesi pengambilan para peserta sejak ia mula beroperasi pada tahun 1998. Sehingga hari ini seramai 250 orang remaja masyarakat Orang Asli telah mendapat latihan di PETAMA. Pada pengambilan sesi pertama, seramai 18 orang remaja lelaki masyarakat Orang Asli telah mendaftarkan diri sebagai peserta. Peserta-peserta ini telah diraikan dalam satu majlis pada 2 Mac 1998. Yang Berhormat Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang telah hadir ke majlis keraian itu. Turut hadir ialah Pengarah JHEOA, Pengurus Besar Yayasan Pahang, Ketua-

²⁰ PETAMA (1998), *Risalah PETAMA*, "Peserta Sasaran", t.h.

²¹ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*

Ketua Jabatan Peringkat Negeri, PERKIM dan agensi-agensi lain yang turut terlibat secara langsung dengan program ini. Program peringkat pertama ini berakhir pada Februari 1999. Daripada jumlah peserta sesi pertama ini, seramai 13 orang peserta telah terpilih untuk mengikuti sesi peringkat lanjutan.²²

Selain daripada mengikuti modul pembelajaran yang disediakan oleh pihak PETAMA, para peserta pada sesi ini turut melakukan beberapa aktiviti luaran umpamanya mengikuti program kem suaikenal pelajar PETAMA di Pantai Sepat, Kuantan, lawatan ke Pekan Bandar Diraja, mengadakan acara sukaneka antara pelajar PETAMA, mengadakan majlis berkhatan dan menyertai program Qiamullail yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Maahad Tahfiz Masjid Sultan Ahmad Shah I.²³

Berdasarkan kajian, penulis mendapati bahawa aktiviti yang dilakukan oleh peserta perintis bagi program ini adalah kurang melibatkan masyarakat luar. Sebaliknya ia lebih tertumpu kepada kegiatan sesama peserta dan dilakukan di dalam kawasan PETAMA sahaja. Ini mungkin disebabkan kewujudan PETAMA masih belum diketahui umum dan promosi mengenainya masih kurang.

Peserta program dakwah di PETAMA pada sesi 1999 meningkat kepada 29 orang. Pengajian mereka telah bermula pada awal Mac 1999. Selain daripada mengikuti program dalam bilik kuliah mereka turut didedahkan dengan aktiviti luaran bertujuan untuk mempelbagaikan bentuk pendedahan kepada mereka. Ia juga untuk mengelakkan perasaan jemu di kalangan peserta ini dan mengurangkan

²² PETAMA (1998), Laporan Kemajuan Dan Prestasi Pelajar PETAMA tahun 1998, h.5

²³ PETAMA (1998), Laporan Mesyuarat Akademik PETAMA 29 April 1998, h.2

perasaan rindu pada keluarga mereka. Antara program luaran yang diikuti oleh para peserta ialah mengikuti kem motivasi, melawat sambil belajar ke JAKIM, Muzium JHEOA Gombak, Masjid Negara dan ke tempat-tempat menarik sekitar Kuala Lumpur, mengikuti kursus komputer dan pengurusan.²⁴

Penyertaan pelajar PETAMA pada sesi 2000 adalah amat menggalakkan kerana seramai 40 orang peserta telah mendaftar untuk mengikuti program di sini. Pertambahan yang positif ini mungkin disebabkan kewujudan PETAMA telah semakin diketahui oleh pihak sasaran dan mereka memahami tujuan sebenar di sebalik penubuhan PETAMA. Selain daripada itu, hebahan yang dilakukan oleh bekas peserta kursus di pusat ini turut membantu kepada peningkatan para peserta baru.²⁵

Terdahulu sebelum ini, PETAMA hanya menerima kemasukan peserta lelaki tetapi pada sesi 2000, PETAMA telah melakukan perubahan dengan turut membuka peluang kepada peserta wanita.²⁶ Daripada 40 orang peserta yang telah mendaftarkan diri untuk mengikuti sesi pengajian di sini, seramai 19 orang pesertanya terdiri daripada wanita. YP telah menaja seramai 30 orang peserta manakala selebihnya adalah di bawah tajaan Tabung Amanah JHEOA.

Aktiviti luaran yang dilakukan oleh peserta pada sesi ini ialah mengikuti program orientasi pelajar, mengadakan lawatan ke Bandar Diraja Pekan, lawatan hari terbuka Radio Televisyen Malaysia (RTM), mengikuti kem motivasi,

²⁴ PETAMA (1999), Laporan Kemajuan Dan Prestasi Pelajar PETAMA tahun 1999, h. 5-7

²⁵ PETAMA (2000), Laporan Prestasi Pelajar Program PETAMA tahun 2000, h.9

²⁶ Berita Harian (2001), "22 pelajar PETAMA dilantik pembantu pendakwah MAIP", *Berita Harian*, 20 April 2001, h.15

mengadakan perlawanan bolasepak persahabatan dengan YP dan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta pelbagai lagi aktiviti yang bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pelajar.²⁷

Pelajar PETAMA pada sesi 2001 turut menunjukkan penyertaan yang begitu memberansangkan. Seramai 51 orang peserta telah mengikuti pengajian pada sesi akademik kali ini. Antara aktiviti luaran para peserta sepanjang tempoh kursus mereka di PETAMA untuk sesi 2001 ialah mengikuti program suaikenal antara pelajar lama dan baru di Pusat Rekreasi, Balok, menyertai acara korban Jabatan Belia Pahang yang bertempat di Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Pahang, menerima kunjungan rombongan dari Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia, serta menghadiri majlis perpisahan untuk mahasiswa dan mahasiswi Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.²⁸

Selain daripada itu, para peserta pada sesi ini telah menghadiri majlis Penyerahan Bantuan Anak-Anak Yatim sempena bulan Ramadhan di kediaman rasmi YB Menteri Besar Pahang, terpilih untuk menyertai perarakan sempena Maulidur Rasul peringkat negeri Pahang, dijemput untuk membuat persembahan dalam pertandingan akhir Festival Nasyid Peringkat negeri Pahang dan menghadiri majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi masyarakat Orang Asli yang diadakan di Dewan JAIP.²⁹

Bilangan pelajar yang mengikuti sesi pengajian 2002 ialah seramai 54 orang. Seramai 30 orang adalah pelajar peringkat persediaan sesi Januari 2002

²⁷ PETAMA (2000), Laporan Program PETAMA Peringkat Talhiqi, h.4

²⁸ PETAMA (2001), Laporan Prestasi Dan Pencapaian Pelajar PETAMA tahun 2001, h. 8-10

²⁹ Ibid

sehingga 31 Mei 2003 dan selebihnya iaitu kira-kira 24 orang adalah pelajar peringkat lanjutan sesi 2001/2002. Pada sesi ini YP telah menaja 47 orang pelajar, Majlis Agama Negeri Sembilan (MAINS) telah menaja seramai dua orang pelajar, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menaja seramai tiga orang pelajar manakala dua orang pelajar lagi di taja oleh Majlis Agama Johor (MAIJ).³⁰

Sebagaimana pada sesi-sesi yang lepas, para peserta didedahkan dengan aktiviti luaran. Pada sesi kali ini mereka meraikan perpisahan seorang pegawai JHEOA Kuantan dengan mengadakan majlis perpisahan di PETAMA, mengadakan majlis khatam al-Quran, mengadakan pertandingan ilmiah sempena Hari Guru, menerima kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Kemudahan Asas dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang dan Timbalan Ketua Pengarah 1 JHEOA Malaysia, menghadiri majlis tahlil dan ramah mesra, mengikuti program dakwah bilhal ke perkampungan Orang Asli anjuran JAIP dan mengikuti Program Motivasi & Kepimpinan Bersama Remaja Orang Asli PETAMA yang diadakan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.³¹

Bilangan pelajar PETAMA pada sesi 2003 ialah 51 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 38 orang adalah peserta peringkat persediaan manakala selebihnya ialah pelajar peringkat lanjutan. Senarai nama pelajar peringkat persediaan di PETAMA sesi 2003 sebagaimana pada lampiran 3. Peserta peringkat lanjutan telah menamatkan kursus mereka pada bulan Julai yang lalu.

³⁰ Zaleha Mohamad (2002/2003), "Pengamalan Islam Di Kalangan Remaja Orang Asli Di PETAMA", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.45

³¹ PETAMA (2002), Laporan Prestasi Dan Pencapaian Pelajar Program PETAMA tahun 2002, h. 7-9

Senarai nama pelajar peringkat lanjutan di PETAMA sesi 2003 sebagaimana pada lampiran 4.

Aktiviti luar yang diikuti oleh para peserta pada sesi ini ialah seperti mengikuti program orjentasi di Sanubari Beach Resort, mengikuti jamuan Hari Raya Korban, mengadakan persembahan nasyid sempena Majlis Penutupan Program Perdana JAIP dan bergotong royong bersama kakitangan AQFA dan peserta Integrated Islamic International School (IIIS).³²

Kajian mendapati bahawa pencapaian pelajar PETAMA sehingga ke hari ini adalah boleh dibanggakan. Perkara ini berdasarkan pada keadaan peserta sebelum mendapat pendidikan di pusat ini. Sekiranya dahulu, peserta-peserta ini tidak mempunyai pengetahuan asas langsung mengenai al-Quran, tidak bersembahyang, bersikap pasif dan rendah diri tetapi setelah mendapat bimbingan di PETAMA, kebanyakan peserta telah berjaya menamatkan bacaan al-Quran malah telah boleh menjadi imam dan bilal. Di samping itu, sikap negatif dalam diri mereka telah terhakis sedikit demi sedikit.

Kesimpulannya, penyertaan peserta dalam program PETAMA yang meningkat saban tahun ini telah memberi kesan yang positif pada diri mereka. Sungguhpun mereka datang dari keluarga yang kebanyakan ibu bapanya tidak mendapat pendidikan formal di sekolah, tetapi dengan kesedaran untuk melihat anak mereka mendalami agama Islam ibu bapa ini sanggup mengizinkan anak mereka belajar di PETAMA. Namun begitu penyertaan peserta perempuan adalah kurang menggalakkan berbanding peserta lelaki. Pihak pengurusan PETAMA

³² PETAMA (2003), Laporan Prestasi Dan Pencapaian Pelajar Peringkat Lanjutan, h. 4-5

perlu melakukan sesuatu untuk menarik penyertaan peserta perempuan ke PETAMA.

3.2 Program Dakwah Di PETAMA

Pengisian program dakwah di PETAMA telah disusun oleh AQFA Sdn. Bhd. Ia diolah selaras dengan tahap pemikiran dan kecerdasan para peserta. Perkara seumpama ini dititikberatkan oleh pihak penganjur kerana cara mendidik masyarakat Orang Asli adalah berbeza berbanding mendidik bangsa lain. Modul yang disusun perlu sesuai dan mengikut kehendak semasa supaya dapat diterima serta difahami oleh sasaran. Mereka tidak boleh dipaksa untuk menerima perubahan yang dibawa secara drastik sebaliknya perlu didekati dengan kasih sayang, lemah-lembut, beransur-ansur dan tidak dikongkong dengan jadual pembelajaran yang terlalu ketat.³³

Sesi program dakwah di PETAMA dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama atau asas disebut Peringkat *Tamhidi* (persediaan) yang mengambil tempoh selama setahun. Manakala peringkat kedua ialah Peringkat *Talhqi* (lanjutan) dan tempoh kursusnya ialah selama enam bulan. Peserta perlu menghadapi peperiksaan sebelum layak untuk ke peringkat lanjutan ini. Jadual kursus yang fleksibel telah disediakan untuk peserta program. Kelas atau kuliah berjalan selama enam hari dalam seminggu. Perjalanan harian program adalah seperti berikut:³⁴

³³ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

³⁴ PETAMA (2001), Laporan PETAMA, "Tempoh Pengajian Dan Perjalanan Kelas", h.5

- i) sesi pagi berbentuk kuliah – bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.
- ii) sesi petang berbentuk halakah al-Quran – bermula pada pukul 2.30 hingga 4.30 petang.
- iii) sesi riadah – bermula pada pukul 5.30 petang hingga 6.30 petang
- iv) sesi kultum – bermula pada pukul 8.30 malam hingga 9.30 malam

Kajian mendapati bahawa bentuk program dakwah di PETAMA dibahagikan kepada empat iaitu bentuk kuliah pengajaran, kelas pengajian al-Quran, kultum dan kokurikulum. Jadual pembelajaran peserta peringkat persediaan dan lanjutan sesi 2002/03 sebagaimana pada lampiran 5.

3.2.1 Kuliah Pengajaran

Kuliah pengajaran bagi peserta berlangsung pada sesi pagi sahaja. Program kuliah ini diadakan secara formal di mana para peserta perlu mempelajari subjek-subjek yang telah disusun oleh pihak pengurusan PETAMA di bilik kuliah. Setiap pensyarah diperuntukkan masa selama empat puluh minit bagi sesuatu subjek. Modul bagi pelajar peringkat persediaan adalah berbeza dengan modul peserta peringkat lanjutan. Modul yang diikuti oleh peserta pada peringkat persediaan ialah:

1) Pengajian Tauhid

Subjek ini memberi kefahaman tentang konsep ketuhanan dalam Islam mengikut keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras

untuk memahami dan mengamalkan cara hidup seorang Islam. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti Tauhid *Ulūhiyyah*, Tauhid *Rubūbiyyah*, Rukun Islam, Rukun Iman dan Perkara-perkara *sam'iyā*.³⁵

2) Pengajian Fekah

Pengajian Fekah memberi pendedahan asas dan bimbingan mengenai fardu ain kepada para peserta. Mereka akan diberi pendedahan mengenai bersuci dari perspektif Islam, praktikal mendirikan solat beserta bacaan doa selain daripada turut diajar cara-cara menyempurnakan jenazah.³⁶

3) Bimbingan Akhlak

Para pelajar dibimbing oleh pensyarah mengenai adab-adab yang sepatutnya dimiliki oleh seorang Islam. Mereka diajar mengenai doa-doa harian serta cara-cara untuk menjaga kebersihan diri, tempat tinggal dan persekitaran. Subjek ini memberi penekanan khusus kepada aspek akhlak Islamiah dalam proses menerapkan nilai muslim sejati kepada peserta.³⁷

4) Kebudayaan

Berdasarkan kajian penulis, didapati bahawa subjek kebudayaan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sebahagian adat istiadat dan hari kebesaran umat Islam di Malaysia yang mempunyai unsur keagamaan. Pelajaran ini mustahak dipelajari oleh para peserta kerana ia akan memberi peluang kepada mereka untuk lebih mendalami adat-adat masyarakat Islam di Malaysia yang terus

³⁵ Temubual dengan Ustaz Saudi bin Abd Manaf, pensyarah PETAMA pada 28 Julai pukul 10.15 pagi.

³⁶ PETAMA (2003), Kurikulum Peringkat Tamhidi dan Talhiqi, AQFA Bahagian Akademik, h. 5-8

³⁷ Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

diamalkan sehingga kini seperti majlis kenduri kahwin, majlis kesyukuran, akikah, korban dan sebagainya.

Kajian mendapati bahawa peserta pada peringkat persediaan telah disediakan modul pembelajaran pada tahap asas. Modul untuk mereka adalah lebih ringkas, mudah difahami tetapi padat. Para peserta diberi pengenalan asas mengenai konsep ketuhanan dan pendidikan fardu ain. Selain daripada itu, mereka mempelajari mengenai hak dan tanggungjawab seorang muslim terhadap Allah, diri, manusia dan alam dalam pelajaran tauhid. Di samping itu, adat-adat yang biasa dilakukan oleh umat Islam di Malaysia turut diperkenalkan dalam modul pada peringkat ini.

Modul yang dipelajari oleh peserta peringkat lanjutan adalah lebih mendalam dan banyak jika dibandingkan modul pada peringkat persediaan. Peserta telah didedahkan dengan teknik-teknik pengajaran al-Quran menggunakan kaedah-kaedah tertentu di samping tambahan dalam pelajaran tauhid serta fardu ain. Pada peringkat ini juga pelajar diberi pendedahan mengenai teknik berdakwah melalui modul Metodologi Dakwah, Metodologi Pengajaran Fardu Ain dan Perbandingan Agama. Antara modul yang dipelajari oleh mereka ialah:

- 1) Metodologi Pengajaran Fardu Ain

Dalam subjek ini peserta diberi pendedahan mengenai teknik-teknik untuk mengajar perkara fardu ain berpandukan buku rujukan yang dibekalkan. Pensyarah perlu memastikan bahawa peserta telah dapat menguasai pelajaran mereka di samping perlu mahir menggunakan buku rujukan iaitu *Panduan*

Lengkap Fardu Ain. Kandungan pembelajaran mereka meliputi rukun-rukun agama, hukum-hukum dalam Islam, perkara berkaitan fekah, penyempurnaan solat dan pengurusan jenazah.³⁸

2) Metodologi Dan Psikologi Pendidikan Tilawatil Quran

Pada peringkat lanjutan peserta perlu mengikuti subjek ini yang bermatlamat memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik pengajaran al-Quran menggunakan 26 kaedah khusus. Melalui subjek ini pelajar diajar dengan kaedah *Iqra'*, *Qirā'atī* dan *Baghdādī*. Buku rujukan yang digunakan oleh pensyarah untuk subjek ini ialah buku *Metodologi dan Psikologi Pendidikan Tilawatil Quranul Karim dan Panduan Bergaul Dengan Al-Quran*.³⁹

Peserta dibimbing oleh pensyarah untuk mempelajari kaedah-kaedah pengajaran al-Quran. Antara kaedah pengajaran yang diajarkan ialah kaedah dengar tunjuk, ikut guru, *islah*, ujian mencari dan membaca ayat, guru baca pelajar tulis, tadarus, wakil *farqī*, wakil *ukhrī* dan sebagainya. Namun begitu, tidak semua 26 kaedah tersebut dipelajari oleh pelajar kerana ia perlu disesuaikan dengan tahap pencapaian dan penerimaan para peserta. Melalui subjek ini diharapkan peserta dapat memberi bimbingan membaca al-Quran kepada masyarakat di perkampungan mereka kelak.⁴⁰

3) Metodologi Dan Psikologi Dakwah

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis didapati bahawa subjek ini membincangkan mengenai teknik-teknik berdakwah yang perlu dipraktikkan

³⁸ Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

³⁹ PETAMA (2003), Kurikulum Peringkat Tamhidi Dan Talhiqi, *op.cit*, h.15-16

⁴⁰ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*

oleh seorang pendakwah. Selain daripada mempelajari secara teori, peserta turut dilatih secara praktikal untuk mengenalpasti kaedah dakwah yang paling sesuai digunakan di tempat mereka. Peserta diberi panduan untuk menjadi seorang pendakwah yang mahir menggunakan metode-metode yang sesuai berdasarkan tahap sasaran. Di samping itu mereka turut didedahkan mengenai kesilapan yang sering dilakukan oleh pendakwah yang terdahulu.

4) Bimbingan Fardu Ain Lanjutan

Tajuk-tajuk yang dipelajari oleh peserta dalam subjek ini merupakan lanjutan daripada subjek fardu ain peringkat asas. Dalam subjek ini peserta perlu mengetahui perkara-perkara berkaitan hukum-hakam dalam bab munakahat dan muamalat. Bahagian munakahat menyentuh mengenai pertunangan, prosedur perkahwinan, talak, rujuk dan sebagainya. Manakala bahagian muamalat menyentuh perihal hukum yang berkaitan jual beli, riba, saham, gadaian dan turut membincangkan mengenai hubungan sesama Islam dan bukan Islam.⁴¹ Subjek-subjek tambahan yang baru diperkenalkan kepada peserta lanjutan ialah *Targhib* dan *Tarhib*, *Munāqasyah* Ilmu Tauhid dan Perbandingan Agama.

Program dakwah berbentuk kuliah menggunakan pendekatan yang bijaksana, fleksibel serta sistematik. Selain daripada kuliah dijalankan secara intensif, pengajaran dan pendidikan yang diberikan adalah mengikut kemampuan peserta sasaran. Di samping itu pengajaran subjek disampaikan oleh pensyarah secara bersahaja dengan melihat tahap penerimaan peserta. Pelajar lelaki dan perempuan ditempatkan dalam bilik kuliah yang berasingan supaya para peserta

⁴¹ Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*.

berasa lebih selesa kerana belajar dalam kelas yang mempunyai gender yang sama.⁴²

Pendekatan pengajaran yang dipraktikkan dalam kuliah ialah berbentuk penerangan, perbincangan, tanya jawab, kuiz dan kaedah bercerita. Dalam sesi ini pensyarah akan menerangkan mengenai sesuatu topik pengajaran terlebih dahulu seterusnya mengajak para peserta berbincang dan bersoal jawab. Topik pengajaran juga akan diulang-ulang sehingga dapat difahami oleh peserta. Di PETAMA, para pelajar tidak menggunakan buku teks tertentu kerana nota-nota pengajian mereka telah disusun oleh pensyarah berdasarkan silibus pembelajaran. Para pensyarah akan mengumpul dan merujuk bahan-bahan pengajaran daripada pelbagai buku yang kemudiannya disusun berdasarkan subjek.⁴³

Antara buku rujukan yang digunakan oleh pensyarah dalam kuliah ialah buku *Asas Islam Syariah, Panduan Lengkap Fardu Ain, Suri Teladan Rasulullah, Menyusuri Jejak Rasulullah, Pendidikan, Nilai Merentasi Kurikulum, Koleksi Kisah-Kisah Sufi, Panduan Akhlak Muslim*, buku-buku tafsir serta dakwah dan sebagainya. Buku-buku ini merupakan koleksi rujukan pensyarah sahaja dan tidak dijadikan buku teks bagi peserta, kerana kebanyakan mereka tidak mahir untuk menggunakan buku-buku tersebut. Oleh itu untuk mengelakkan daripada berlaku pembaziran para peserta tidak diwajibkan memiliki buku teks.⁴⁴

Melalui slot perbincangan, para pelajar boleh mengambil kesempatan untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai topik yang diajar. Pelajar boleh

⁴² PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

⁴³ Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit*

⁴⁴ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Hj. Abdullah, *op.cit*

mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan menyuarakan buah fikiran mereka terhadap tajuk yang dibincangkan. Semakin ramai pelajar mengambil bahagian, semakin banyak perkara yang boleh mereka pelajari. Selain daripada itu, melalui perbincangan juga pensyarah boleh mengenalpasti tahap kefahaman pelajar.⁴⁵

Kelebihan yang diperolehi oleh pelajar melalui program kuliah ialah para peserta dapat membuang perasaan malu, pasif dan rendah diri sebaliknya berasa lebih yakin pada diri sendiri. Melalui sesi kuliah pensyarah berpeluang untuk lebih rapat dengan peserta dan sebaliknya.⁴⁶

Menurut Abdullah Ishak, pembelajaran menerusi kaedah kuliah bukan sahaja menampakkan lebih banyak pergantungan pelajar terhadap guru bahkan ia boleh melahirkan perasaan hormat seorang murid kepada gurunya. Justeru itu, ia boleh melahirkan rasa kasih sayang antara dua pihak tersebut. Kasih sayang merupakan teras kepada pembelajaran yang berkesan serta pembentukan peribadi yang unggul.⁴⁷

Para peserta amat berminat dan memberi lebih tumpuan sekiranya kuliah disampaikan menggunakan kaedah bercerita. Menerusi kaedah bercerita, para pensyarah banyak menggunakan perumpamaan atau misal yang boleh dikaitkan dengan nilai-nilai moral dan akhlak. Objektif yang ingin dicapai melaluinya ialah supaya ia boleh meninggalkan kesan yang positif dalam diri pelajar seterusnya

⁴⁵ Drs. Ramayulis (1990), *Metodologi Pengajaran Agama Islam*, Jakarta: Penerbit Kalam Mulia, h.127-128

⁴⁶ Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

⁴⁷ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.69

membentuk tingkah laku yang berpekerti mulia. Namun demikian, tidak semua topik pelajaran boleh disampaikan dalam bentuk bercerita. Oleh itu, untuk menarik minat mereka pada pelajaran, pensyarah perlu menyampaikan kuliah secara kreatif dan bijaksana.⁴⁸

;

Berdasarkan pemerhatian penulis, kaedah soal jawab yang dipraktikkan di sini banyak melibatkan pensyarah yang bertanya berbanding pelajar. Namun demikian, pelajar memberi respon yang baik kerana ramai yang menjawab soalan yang dikemukakan. Terdapat segelintir pelajar tidak memberi perhatian serius semasa kuliah berlangsung. Menurut pensyarah yang mengajar, perkara sedemikian adalah normal kerana disebabkan mereka tidak berminat dengan topik yang dibincangkan, merasa jemu, penat dan malas untuk berfikir. Pensyarah mengambil sikap tidak memaksa peserta untuk mengambil bahagian sebaliknya terus mencuba menarik minat mereka pada topik pembelajaran.

Kesimpulannya, modul kuliah perlu disampaikan oleh pensyarah dalam pelbagai bentuk, kreatif dan bersungguh-sungguh. Hal ini adalah kerana latar belakang dan tahap pemikiran pelajar adalah berbeza-beza. Melalui bentuk penyampaian kuliah yang pelbagai diharapkan dapat membantu peserta memahami pelajaran dengan mudah serta mesej pengajaran dapat disampaikan. Namun begitu, pensyarah-pensyarah tidak perlu meletakkan harapan yang terlalu tinggi untuk melihat pelajar dapat memahami pelajaran pada kali pertama pengajaran. Ini adalah kerana topik tersebut perlu diulang beberapa kali sebelum mencapai pada tahap yang diinginkan.

⁴⁸ Temubual dengan Ustaz Mohamad Nizam bin Abdul Ghani, *op.cit*.

3.2.2 Kelas Pengajian Al-Quran

Program dakwah berbentuk kelas pengajian al-Quran diadakan pada sesi petang. Ia diadakan di bilik kuliah yang mana peserta lelaki dan perempuan turut diasingkan. Menerusi kelas pengajian selama dua jam ini seorang demi seorang peserta akan memperdengarkan bacaan mereka kepada pensyarah. Kelancaran, mutu serta tahap bacaan mereka akan dipantau oleh setiap pensyarah dari semasa ke semasa.⁴⁹

Pelajar peringkat persediaan perlu menggunakan buku *Iqra'* peringkat satu hingga enam dalam sesi pengajian al-Quran ini. Melalui buku tersebut mereka akan dibimbing untuk mengenal huruf *hijāiyyah*, membaca satu harakat perkataan yang berbaris di atas, bawah dan depan, mengenal bacaan huruf yang bersambung, membezakan bacaan pendek dan panjang, mengenalpasti perbezaan-perbezaan bunyi huruf, mempelajari tajwid, dengung dan sebagainya.⁵⁰

Selain daripada itu peserta dikehendaki menghafal 13 surah pilihan yang terdapat dalam juzuk '*Amma*. Manakala surah al-Baqarah dan Yasin menjadi surah bacaan yang perlu dilancarkan.

Pada peringkat lanjutan peserta didedahkan dengan teknik belajar dan mengajar al-Quran dengan bertajwid serta secara *musyāfahah*. Melalui subjek ini peserta akan belajar mengenai ilmu tajwid, kesalahan-kesalahan dalam bacaan al-Quran, makhraj huruf, sifat-sifat huruf, hukum nun mati, hukum mim mati dan

⁴⁹ Temubual dengan Ustazah Razita binti Abdullah, *op.cit*

⁵⁰ PETAMA (2003), Kurikulum Peringkat Tamhidi dan Talhiqi, *op.cit*, h. 9-10

sebagainya. Selain daripada perlu menghafal 15 surah pilihan dalam juzuk 'Amma, peserta juga perlu menamatkan 30 juzuk al-Quran.⁵¹

Kajian mendapati bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan dalam subjek ini ialah kaedah bacaan dan hafalan. Dalam pengajaran sesi petang ini pensyarah akan membimbing peserta membaca al-Quran dengan tajwid yang betul selain daripada membetulkan makhraj huruf. Di samping itu peserta juga dikehendaki menghafal surah-surah tertentu di dalam al-Quran yang kemudiannya akan diperdengarkan kepada pensyarah.

Sebagai kesimpulan, subjek Pengajian al-Quran ini amat bermanfaat dan penting kepada para peserta. Ini adalah kerana kepada mereka diletakkan harapan untuk membimbing ahli keluarga dan penduduk kampung dalam bacaan al-Quran setelah mereka tamat kursus kelak. Selain daripada itu, mereka boleh memikul amanah sebagai imam dan bilal dalam solat berjemaah di surau perkampungan mereka.

3.2.3 Kultum

Menerusi sesi kultum peserta didedahkan dengan teknik-teknik berpidato, memberi tazkirah, menjadi pengerusi dalam sesuatu majlis, membaca doa dalam majlis-majlis tertentu, mengetuai bacaan Yasin dan sebagainya. Di samping itu peserta diberi tunjuk ajar mengenai persediaan yang perlu dilakukan seperti penyediaan teks pidato, ucapan yang sesuai sebagai pengerusi, tajuk tazkirah yang

⁵¹ Ibid, h. 17-18

perlu disampaikan selain daripada persediaan dari segi mental. Sesi ini diadakan pada waktu malam antara solat Maghrib dan Isyak bertempat di surau pelajar. Warden asrama atau pelajar yang dilantik akan mengetuai sesi ini.⁵²

Dalam program kulum, modul yang disediakan untuk peserta ialah latihan mental, praktikal mengurus majlis dan tazkirah. Dalam modul latihan mental mereka diajar untuk membuat persediaan sebelum memulakan sesuatu majlis sama ada rasmi atau tidak serta berbincang dan memberi pandangan untuk kebaikan majlis yang akan diadakan. Seterusnya mereka diberi peluang untuk mempraktikkan modul itu dengan menjadi pengerusi dalam majlis ilmu yang diadakan di surau tersebut.⁵³

Melalui slot kulum, peserta perlu membuat persiapan untuk menyampaikan satu ucapan atau tazkirah pendek yang akan diberikan kepada rakan kuliah yang lain. Tajuk- tajuk ucapan ialah seperti ucapan alu-aluan, perpisahan, tahniah, kisah tauladan, kisah-kisah nabi dan seumpamanya. Tajuk-tajuk tersebut akan disediakan oleh pensyarah. Slot seumpama ini banyak dikendalikan oleh peserta peringkat lanjutan memandangkan mereka telah berpengalaman dan bakal keluar untuk menghadapi suasana menjalankan aktiviti dakwah yang sebenar.⁵⁴

Melalui pemerhatian penulis, peserta kursus memberi kerjasama yang baik sewaktu sesi praktikal dijalankan. Peserta memberi galakan dan semangat kepada rakan mereka yang perlu memberi tazkirah atau ucapan. Suasana berjalan dalam

⁵² Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit.*

⁵³ Temubual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Abd Ghani, *op.cit.*

⁵⁴ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit.*

keadaan yang ceria dan gembira. Oleh yang demikian, pelajar yang perlu memberi ucapan dapat menghilangkan rasa malu dan kekok.

Modul seumpama ini perlu diadakan kerana para peserta sering dijemput untuk menghadiri majlis-majlis keramaian kerajaan negeri Pahang. Dalam majlis tersebut mereka diminta untuk mengetuai bacaan Yasin, mengendalikan majlis tahlil atau membaca doa. Dengan pendedahan yang diadakan di PETAMA ini, diharapkan ia akan membantu pelajar menghadapi situasi sebenar. Selain itu di perkampungan kelak mereka tidak menghadapi masalah untuk memberi tazkirah atau untuk berhadapan dengan penduduk kampung mereka.⁵⁵

Kesimpulannya, menerusi modul kulturem para peserta boleh membina keyakinan diri dan membuang perasaan rendah diri yang keterlaluan. Setiap peserta diberi peluang untuk mempraktikkan dan menyampaikan apa yang dipelajari di bilik kuliah menerusi modul ini.

3.2.4 Kokurikulum

Selain daripada modul program berbentuk kuliah, pengajaran al-Quran dan kulturem para peserta turut didedahkan dengan modul berbentuk kokurikulum yang memang diadakan pada setiap sesi akademik tidak termasuk aktiviti riadah. Antara aktiviti luar yang wajib diikuti oleh para peserta ialah:

- 1) praktikal menyembelih binatang

⁵⁵ PETAMA (2003), Modul Public Speaking, AQFA Bahagian Akademik, h.1-5

Dalam aktiviti ini para pelajar akan mempelajari cara menyembelih binatang mengikut syariat Islam. Aktiviti seumpama ini biasanya akan dilakukan ketika para pelajar mengikuti program perkhemahan atau kem ibadah.⁵⁶

- 2) pakej kursus-kursus sampingan seperti kursus pengurusan, kenegaraan, persuratan dan kualiti.

Kursus-kursus seumpama ini akan dijalani oleh para peserta sebelum mereka menamatkan kursus peringkat persediaan di PETAMA. Ia akan diadakan di pejabat YP atau di luar Kuantan. Kursus ini biasanya ditaja oleh JHEOA Pahang dan di sini para pelajar didedahkan dengan aspek pengurusan dan ceramah kenegaraan. Tidak semua pelajar akan dipilih untuk mengikuti kursus ini dalam satu masa.⁵⁷

- 3) kem rehlah⁵⁸

Berdasarkan kajian, aktiviti rehlah yang diikuti oleh para pelajar bertujuan memberi kesedaran dan menaikkan semangat mereka di samping meredakan tekanan yang dihadapi mereka dalam sesi kuliah. Dalam kem seumpama ini jalinan persaudaraan dan kemesraan antara peserta dapat dipupuk. Aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak pengurusan PETAMA mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar. Biasanya ia akan diadakan di kawasan-kawasan pantai yang terdapat di sekitar Kuantan dan sekiranya mendapat peruntukan yang sesuai aktiviti rehlah diadakan di luar negeri Pahang.

⁵⁶ Intan Sarina binti Mohd Jalil (2001/2002), "PETAMA: Kajian Tentang Metode Dalam Melahirkan Pendakwah di Kalangan Orang Asli", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 21

⁵⁷ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

⁵⁸ Semasa menjalankan kajian, penulis turut berkesempatan menghadiri aktiviti rehlah yang diadakan untuk peserta PETAMA bertempat di Kem Sanubari Beach Resort, Kuantan pada 23-24 Januari 2003.

Selain daripada itu aktiviti rehlah dan lawatan juga diharapkan boleh memberi impak yang positif dalam membentuk peribadi seorang warganegara yang baik. Lawatan sambil belajar yang dipraktikkan di PETAMA bermatlamat untuk meluaskan pemandangan dan pengetahuan pelajar mengenai tempat-tempat bersejarah yang terdapat di sekitar negeri Pahang. Para peserta didedahkan dengan tempat-tempat yang sedemikian kerana secara tidak langsung ia boleh melahirkan perasaan cinta kepada negeri dan belajar untuk menghargainya. Selain daripada itu ia boleh merapatkan lagi jurang pemisah antara pelajar persediaan dan lanjutan.⁵⁹

4) menghadiri majlis-majlis keagamaan.

Pelajar PETAMA turut didedahkan kepada situasi bermasyarakat. Mereka akan menghadiri dan mengikuti majlis-majlis keagamaan seperti ceramah, majlis Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Ihya' Ramadan, Tilawah al-Quran dan sebagainya.⁶⁰

5) praktikal membaca doa di majlis-majlis tertentu.

Jabatan kerajaan dan orang perseorangan sering menjemput pelajar PETAMA untuk menghadiri majlis yang diadakan oleh mereka. Dalam majlis seperti solat hajat, tahlil, kenduri kesyukuran dan sebagainya peserta PETAMA akan diberi penghormatan untuk mengendalikan bacaan doa atau bacaan Yasin.⁶¹

6) mengadakan pertandingan-pertandingan riadah.

⁵⁹ PETAMA (1999), Laporan PETAMA Rehlah ke Pekan Bandar Diraja, t.h.

⁶⁰ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

⁶¹ Ibid

Berdasarkan laporan aktiviti pelajar PETAMA, didapati bahawa pihak pengurusan di PETAMA turut mengatur beberapa pertandingan riadah kepada pelajar-pelajarnya. Perlawanan bola sepak dan sepak takraw persahabatan dengan institusi lain sering diadakan bertujuan untuk meluaskan pengalaman bergaul para peserta. Peserta pernah mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan pelajar-pelajar dari Ma'ahad Tahfiz Negeri, IKIP dan UiTM.

7) menyertai program Jabatan Pertahanan Awam (JPA 3).

Program yang dianjurkan oleh JPA ini adalah terbuka kepada pelajar yang berumur 18 tahun ke atas. Program ini akan diuruskan oleh pihak pengurusan JPA. Hanya pelajar yang layak dan terpilih sahaja akan menyertai program ini.⁶²

Kesimpulannya, menerusi program kokurikulum, para peserta akan berasa agak bebas kerana program ini berlangsung secara tidak formal. Selain daripada menambah ilmu, para peserta boleh berehat dan meredakan ketegangan fikiran. Namun begitu, tidak semua peserta berpeluang untuk mengikuti semua aktiviti di atas disebabkan terikat dengan peraturan pihak penganjur. Oleh yang demikian, pihak PETAMA perlu mempelbagaikan lagi bentuk aktiviti kokurikulum dan memastikan supaya semua peserta boleh mengikutinya.

3.2.5 Objektif Program

PETAMA telah menetapkan objektif programnya seperti berikut:⁶³

⁶² Intan Salina binti Abd Jalil (2001/2002), *op.cit.* h. 23

⁶³ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t. h

- 1) supaya para peserta dapat mengetahui, menghafal seterusnya memahami mengenai rukun Islam, rukun Iman, sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah Taala dan RasulNya.
- 2) peserta mengetahui secara teori dan praktikal mengenai hukum bersuci daripada hadas besar dan kecil.
- 3) mampu mendirikan sembahyang fardu sama ada secara sendirian atau berjemaah, menghafal zikir-zikir dan doa yang berkaitan selepas solat, boleh menjadi imam atau bilal dan boleh menjadi ketua dalam majlis tahlil.
- 4) peserta dapat menamatkan pembacaan 30 juzuk ayat al-Quran dengan lancar dan bertajwid, menghafal 30 surah daripada juzuk '*Amma Iqra*'. seterusnya boleh mengajar al-Quran dengan menggunakan kaedah
- 5) mengetahui adab-adab dan cara pergaulan yang positif dalam masyarakat.
- 6) memahami dan menitik beratkan soal kebersihan dalam pelbagai sudut seperti kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal, penyediaan makanan dan sebagainya.
- 7) boleh memimpin upacara-upacara keagamaan seperti dalam majlis bacaan Yasin, tahlil serta pada majlis sambutan hari kebesaran Islam.
- 8) supaya peserta mahir dalam membuat penyediaan teks ucapan yang disampaikan dengan teknik yang betul seterusnya berani pula untuk tampil ke hadapan memberi ucapan tersebut di khalayak ramai.

- 9) mampu berdakwah menggunakan teknik-teknik yang berkesan dan sesuai dengan keadaan setempat. Mereka mahir dalam memahami dan membaca keadaan sasaran mereka.
- 10) mampu untuk mengajar bacaan al-Quran dengan kaedah *Iqra'* menggunakan cara dan teknik yang sesuai kepada masyarakat setempat.

Keseluruhan bentuk program dakwah bermatlamat untuk mentarbiah dan membimbing peserta kepada kehidupan cara Islam. Objektif program dakwah menerusi kuliah ialah untuk memberi pendidikan secara formal kepada pelajar sebagaimana yang biasa dilaksanakan oleh sesebuah institusi pendidikan. Tahap dan pencapaian pelajar dinilai melalui sistem peperiksaan yang diadakan setiap akhir sesi pengajian akademik. Pelajar perlu menduduki peperiksaan bagi memilih peserta yang layak untuk mengikuti peringkat lanjutan dan akhirnya menentukan mereka yang layak bergelar pembantu penggerak JAIP. Namun begitu, program kuliah ini lebih dipelopori oleh peserta yang mempunyai tahap kecerdasan yang lebih tinggi berbanding mereka yang sederhana.⁶⁴

Oleh yang demikian pelajar yang kurang menyerlah telah diberi peluang untuk mendapat input yang positif melalui program-program lain seperti program pengajian al-Quran, kulturem dan kokurikulum. Tujuan kelas pengajian al-Quran ialah supaya peserta celik dan dapat membaca al-Quran dengan betul. Apa yang diharapkan ialah ia dapat dijadikan bekalan dalam diri peserta biarpun tidak mampu untuk mengajar orang lain.⁶⁵

⁶⁴ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit.*

⁶⁵ *Ibid*

Program dakwah berbentuk kultum adalah lebih bersifat praktikal yang bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan perkara-perkara asas dalam ibadat, kehidupan seharian dan majlis-majlis keagamaan. Mereka dilatih membiasakan diri untuk menjadi pengerusi dalam majlis tertentu, memberi tazkirah, menjadi imam, bilal, mengetuai majlis-majlis keagamaan, praktikal menguruskan jenazah serta dilatih menyediakan dan memberi ucapan di hadapan umum.⁶⁶

Melalui kaedah seumpama ini, secara tidak langsung ia dapat mengubah personaliti peserta, menjadikan mereka tampil lebih berani dalam mencuba sesuatu yang baru, berkeyakinan tinggi, berlatih menjadi pemimpin dan diharapkan mereka dapat menjadi contoh yang baik apabila pulang ke perkampungan mereka kelak.⁶⁷

Kajian mendapati bahawa melalui latihan amali ini diharapkan peserta dapat memahirkkan diri dalam bidang pidato, debat serta penyampaian khutbah ibadah. Ia boleh melahirkan pendakwah yang mahir berkomunikasi di hadapan khalayak untuk menyampaikan risalah dakwah secara berkesan.

Matlamat aktiviti kokurikulum diharapkan boleh memberi impak yang positif dalam membentuk peribadi seorang warganegara yang baik. Sebagai contoh, lawatan sambil belajar yang dipraktikkan di PETAMA bermatlamat untuk meluaskan pandangan dan pengetahuan pelajar mengenai tempat-tempat bersejarah yang terdapat di sekitar negeri Pahang. Secara tidak langsung ia boleh melahirkan perasaan cinta kepada negeri dan belajar untuk menghargainya. Selain

⁶⁶ PETAMA (2003), Laporan Pencapaian Pelajar Peringkat Talhiqi, h.2

⁶⁷ Temubual Ustaz Saudi bin Abd Manaf, *op.cit*

daripada itu ia boleh merapatkan lagi jurang pemisah antara pelajar lama dan baru.⁶⁸

Memandangkan peserta di PETAMA datang dari perkampungan yang jauh dan terpaksa berpisah dengan ahli keluarga, maka pihak pengurusan telah cuba untuk mengubat rasa rindu mereka dengan mengadakan sebanyak mungkin aktiviti kokurikulum. Selain daripada itu ia bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan bebanan fikiran yang dirasakan oleh pelajar dalam pelajaran. Ternyata usaha ini tidak sia-sia kerana aktiviti luar ini mampu menceriakan dan menambat peserta untuk terus kekal di PETAMA bagi menjalani kursus sehingga tamat.⁶⁹

Selain daripada itu, melalui program seumpama ini peserta yang tidak pernah terdedah dengan suasana pembelajaran di sekolah akan turut berpeluang mengalaminya di PETAMA. Peserta yang tidak bersekolah tetapi boleh membaca dan menulis pada peringkat yang sederhana masih berkesempatan untuk memperbaiki tahap pencapaian mereka. Biar pun setelah keluar dari PETAMA mereka tidak mampu untuk mengajar orang lain, tetapi sekurang-kurangnya kelemahan dalam diri mereka dapat diatasi lebih-lebih lagi dalam aspek ibadat dan pembacaan al-Quran. Oleh yang demikian objektif program di sini turut menitik beratkan kebajikan pelajar.⁷⁰

Melalui temubual penulis dengan pensyarah di PETAMA didapati bahawa selain daripada objektif yang telah disebutkan, matlamat lain yang ingin dicapai

⁶⁸ PETAMA (1999), Laporan PETAMA Rehlah ke Pekan Bandar Diraja, t.h.

⁶⁹ Temubual dengan Ustazah Mariah binti Khatib Aziz, *op.cit*

⁷⁰ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

ialah untuk melihat remaja masyarakat Orang Asli ini berkumpul dan belajar di satu tempat yang khusus untuk mereka sahaja. Di sini peserta akan belajar bergaul sesama mereka, saling mengenali suku yang lain dan boleh merapatkan hubungan sesama mereka. Melalui program ini diharapkan ia dapat mencetuskan semangat dan keinginan pelajar untuk mempraktikkan segala pengalaman dan ilmu yang mereka perolehi di sini.

Di samping itu, kesusahan yang mereka alami semasa belajar di dalam bilik kuliah dan kegugupan mereka sewaktu sesi kultum akan sama-sama dirasakan oleh mereka. Secara tidak langsung diharapkan hubungan persahabatan ini akan terus berkekalan biarpun mereka telah keluar dari PETAMA.

Berdasarkan keterangan di atas, didapati bahawa objektif yang ingin dicapai oleh pihak pengurusan PETAMA melalui program-program dakwahnya ialah untuk melahirkan remaja masyarakat Orang Asli yang tidak tercicir dari sudut agama, berakhlak mulia, pandai berdakwah dan boleh menjadi pemimpin. Pendidikan dan bimbingan berlandaskan Islam telah diterapkan kepada para peserta melalui pelbagai program dakwah yang telah disusun secara sistematik dan tidak membebankan.

Kesimpulannya, untuk mencapai objektif sebagaimana yang telah disebutkan, PETAMA telah menyusun program dakwahnya dalam pelbagai cara. Kepelbagaian kaedah program ini adalah wajar dilaksanakan oleh PETAMA memandangkan pelajar di sini tidak boleh menerima satu kaedah pengajaran sahaja. Selain daripada untuk menerapkan pendidikan dan pengetahuan Islam di

kalangan para peserta, kaedah-kaedah yang digunakan juga adalah bersesuaian dengan tahap penerimaan dan kemampuan mereka.

3.3 Pembantu Penggerak PETAMA

Bilangan pembantu penggerak yang telah berjaya dikeluarkan oleh PETAMA ialah seramai 35 orang. Pembantu penggerak ini mendapat sijil perlantikan daripada JAIP. Semua pembantu penggerak ditugaskan di perkampungan masing-masing dan menerima elaun khas sebanyak RM300 sebulan yang dibayar oleh pihak MAIP.⁷¹ Senarai nama pembantu penggerak keluaran PETAMA dari tahun 1998 hingga 2003 dan contoh surat perlantikan pembantu penggerak boleh dirujuk pada lampiran 6.

Tugas yang dilakukan oleh seorang pembantu penggerak ialah menyebarkan agama Islam kepada penduduk setempat seperti mengajar al-Quran dan fardu ain, membantu mengislamkan saudara baru di kampung mereka, menjadi imam dan bilal serta membantu menjayakan apa jua program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan di perkampungan mereka. Di samping itu mereka menjadi rujukan bagi penduduk kampung yang bermasalah dalam perkara agama, menjadi contoh kepada yang lain dan mereka perlu menonjolkan imej yang baik selaras dengan ajaran Islam.⁷²

Sebanyak enam daerah di seluruh negeri Pahang telah mendapat khidmat pembantu penggerak. Semua pembantu penggerak perlu mengikuti kursus setiap

⁷¹ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

⁷² Ibid

empat bulan sekali. Kursus seumpama itu perlu diadakan bertujuan untuk memantau perkembangan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh pembantu penggerak serta membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi.⁷³

Melalui pemerhatian penulis, didapati kursus ini melatih peserta untuk meningkatkan lagi prestasi pengajaran, penguasaan ilmu, kemahiran berkomunikasi serta keyakinan diri dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu ia bertujuan memastikan hubungan antara pembantu penggerak dengan pihak YP, AQFA, JHEOA, JAIP dan MAIP tidak terputus.

Selaras dengan matlamat yang ingin dicapai dalam setiap kursus yang diadakan, pihak penganjur telah menggunakan pelbagai pendekatan untuk meningkatkan lagi kefahaman para peserta. Oleh itu sesi perbincangan, penerangan, ceramah, bengkel, latihan dan praktikal serta dialog telah diadakan. Untuk mempelbagaikan pendekatan, para peserta dikehendaki menyertai aktiviti permainan dan sukaneka. Para peserta kursus juga turut dibawa melawat ke tempat-tempat yang sesuai di sekitar negeri Pahang seperti ke pejabat JAIP di Pekan serta Muzium Tokoh di Kuantan.⁷⁴

Sehingga kini pengurusan PETAMA telah menganjurkan sebanyak enam kali kursus. Kursus intensif tersebut telah diadakan seperti berikut:

- 1) 15 hingga 22 Mac 2000
- 2) 31 Julai hingga 5 Ogos 2000
- 3) 5 hingga 10 Februari 2001

⁷³ PETAMA (2003), Laporan Kursus Intensif Pembantu Penggerak PETAMA kali Keenam, h.2

⁷⁴ Ibid, h.7

- 4) 5 hingga 14 Ogos 2001
- 5) 8 hingga 14 Ogos 2002
- 6) 7 hingga 12 April 2003⁷⁵

Jadual kursus intensif pembantu penggerak PETAMA kali keenam sebagaimana pada lampiran 7.

Melalui pemerhatian penulis, dalam kursus yang diadakan itu, sambutan yang diberikan oleh para peserta adalah menggalakkan. Ini adalah kerana daripada seramai 35 orang pembantu penggerak, hanya dua orang sahaja yang tidak dapat menghadirinya. Ketidakhadiran mereka pula adalah bersebab dan dimaklumkan kepada pihak pengurusan. Di samping itu, penyertaan peserta dalam setiap slot yang disusun adalah mencapai objektif pihak penganjur.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pembantu-pembantu penggerak ini menyedari akan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Kehadiran para peserta ke kursus tersebut, menunjukkan mereka menghargai pembaharuan yang cuba diberikan oleh pihak kerajaan negeri Pahang khususnya dan YP khasnya kepada mereka. Kesedaran untuk melihat kaum mereka maju dan membangun dalam pelbagai aspek telah mendorong mereka untuk menghadirinya.

⁷⁵ Kursus Intensif Pembantu Penggerak Kali Keenam yang diadakan di hotel Seri Malaysia, Kuantan turut dihadiri oleh penulis.

3.4 Pengiktirafan Sijil

Pada masa kini, MAIP telah memberi pengiktirafan kepada sijil lulusan PETAMA. Peserta yang telah tamat kursus dan layak menerima perlantikan sebagai pembantu penggerak akan di tempatkan di kampung mereka untuk menyebarkan agama Islam.⁷⁶

Pelajar lepasan PETAMA adalah layak untuk menyambung pengajian mereka ke Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) sekiranya mempunyai penaja untuk membiayai pembelajaran mereka. JAKIM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) turut mengiktiraf sijil keluaran PETAMA dengan satu syarat tambahan iaitu mereka perlu memiliki SPM. Sekiranya memenuhi syarat yang digariskan itu, mereka boleh memohon untuk jawatan sebagai pembantu penggerak masyarakat JAKIM atau berpeluang untuk diserapkan ke jawatan perkhidmatan awam yang sesuai.⁷⁷

Selain dari itu, program ini turut diiktiraf dan diperakui oleh JHEOA Pusat dan Persatuan Dakwah Orang Asli (DOA). Oleh sebab itu, pertubuhan ini sering memberi kerjasama yang erat dengan PETAMA dalam menjayakan program terutama untuk aktiviti luar. Di samping itu, pertubuhan tersebut mengenalpasti peserta yang berminat untuk menyertai pusat dakwah ini.⁷⁸

Kesimpulannya, pengiktirafan sijil PETAMA ini adalah penting bagi kemudahan para peserta. Dengan sijil yang dimiliki, mereka boleh memikirkan

⁷⁶ PETAMA (1998), Risalah Umum PETAMA, t.h

⁷⁷ Temubual dengan Ustazah Sobariah binti Abu Bakar, *op.cit*

⁷⁸ Temubual dengan Ustaz Muhammad Rafid bin Haji Abdullah, *op.cit*.

sesuatu yang boleh memberi kebaikan kepada mereka untuk masa hadapan. Pihak PETAMA perlu berusaha agar sijil keluaran PETAMA mendapat pengiktirafan dalam sektor awam mahupun swasta.